



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL 9 TAHUN 2021
TATACARA PERMOHONAN
PROGRAM SIP SUBSIDI UPAH BERSASAR (PSU 5.0)
SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP) PERKESO
OLEH MAJIKAN DI BAWAH BAJET 2022**

1. TUJUAN

Pekeliling majikan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai prosedur pelaksanaan Program SIP Subsidi Upah Bersasar (PSU 5.0) iaitu bantuan kewangan RM600 sebulan untuk setiap pekerja terhad kepada 500 orang pekerja sahaja bagi tempoh 3 bulan kepada sektor pelancongan di bawah Bajet 2022.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Program Subsidi Upah (PSU) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat 2020 (PRE2020) pada 27 Mac 2020 dan Pakej Prihatin PKS (Tambahahan) pada 6 April 2020. Kerajaan memperkenalkan PSU adalah untuk membantu majikan mengekalkan pekerja.
- 2.2 Pada 5 Jun 2020, bantuan PSU telah dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
- 2.3 Pada 23 September 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan inisiatif tambahan khas KITA PRIHATIN di mana

bantuan PSU telah dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang sedang menerima PSU dan bantuan PSU selama 6 bulan bagi semua permohonan baharu mulai Oktober 2020. Program PSU ini dikenali sebagai PSU 2.0.

- 2.4 Pada 6 November 2020, Kerajaan telah mengumumkan Belanjawan 2021 di mana akan melanjutkan pelaksanaan Program Subsidi Upah selama 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang sedang menerima PSU dan 6 bulan bagi permohonan baru dengan lebih bersasar, khususnya bagi sektor pelancongan dan peruncitan. Program ini dikenali sebagai PSU 3.0.
- 2.5 Pada 18 Januari 2021, Kerajaan telah mengumumkan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bertujuan untuk meluaskan lagi liputan Program Subsidi Upah 3.0 di mana bantuan kewangan selama 1 bulan khusus kepada majikan daripada semua sektor di negeri yang terlibat dengan PKP mulai 19 Januari 2021.
- 2.6 Pada 17 Mac 2021, Kerajaan telah mengumumkan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bertujuan untuk melanjutkan Program Subsidi Upah 3.0 selama tiga bulan lagi secara lebih bersasar khusus bagi sektor pelancongan, perdagangan borong dan runcit, serta perniagaan lain yang ditutup semasa PKP2.0.
- 2.7 Pada 31 Mei 2021, Kerajaan telah mengumumkan Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) bertujuan untuk melanjutkan Program Subsidi Upah 3.0 selama 1 bulan lagi bagi semua sektor ekonomi yang terkesan disebabkan perlaksanaan PKP.

- 2.8 Pada 28 Jun 2021, Kerajaan telah mengumumkan Paket Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bertujuan untuk melanjutkan lagi Program Subsidi Upah 4.0 selama 2 bulan bagi semua sektor dalam Fasa Kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) serta 2 bulan tambahan bagi sektor ekonomi yang tersenarai dalam senarai negatif (Fasa Ketiga PPN) iaitu aktiviti yang berisiko tinggi menyebabkan jangkitan COVID-19 atau melibatkan keramaian.
- 2.9 Pada 29 Oktober 2021, Kerajaan telah mengumumkan Bajet 2022 dimana akan melanjutkan lagi Program Subsidi Upah (PSU) selama 3 bulan secara bersasar kepada sektor pelancongan yang masih terjejas akibat pandemik COVID-19. Sehubungan itu, sebanyak RM600 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan Program SIP Subsidi Upah Bersasar (PSU 5.0).
- 2.10 Di bawah inisiatif ini, pengusaha-pengusaha pelancongan yang mengalami penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah jualan atau pendapatan bulanan boleh memohon insentif ini. Bantuan subsidi ini dijangka akan memanfaatkan seramai 26,000 majikan membabitkan 330,000 pekerja daripada sektor ini. Bermula tahun 2022, Program Subsidi Upah akan dijenamakan semula sebagai Program SIP Subsidi Upah Bersasar.
- 2.11 Program ini dikhususkan kepada majikan daripada sektor pelancongan dan semua pekerjanya tanpa had gaji serta mengalami kadar penurunan sebanyak 30% atau lebih jumlah jualan atau pendapatan bulan Oktober / November / Disember bagi tahun 2021 berbanding dengan mana-mana bulan pada tahun 2019 / 2020 / 2021 sebelum penularan wabak COVID-19.

2.12 Program ini juga akan memastikan majikan tidak dibenarkan untuk membuang pekerja mereka yang tersenarai dalam permohonan, sepanjang tempoh program dijalankan. Namun, majikan dibenarkan untuk mengurangkan waktu bekerja ataupun pengurangan gaji dengan persetujuan bersama pekerja.

2.13 Bantuan PSU ini diharap dapat membantu majikan untuk meneruskan kelangsungan perniagaan mereka dengan menyokong aliran tunai serta mengekalkan pekerja mereka dalam tempoh keadaan luar jangka. Langkah ini secara tidak langsung juga merupakan salah satu perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja bagi mengelakkan pengangguran dan kehilangan sumber pendapatan kesan daripada COVID-19 bagi meneruskan kelangsungan kehidupan mereka dan keluarga.

3. LIPUTAN PROGRAM

- 3.1 PSU 5.0 meliputi majikan dari sektor pelancongan yang mengalami penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah jualan atau pendapatan bulanan bagi bulan Oktober / November / Disember pada tahun 2021 berbanding dengan mana-mana bulan pada tahun 2019, 2020 atau 2021 sebelum penularan wabak COVID-19.
- 3.2 Program ini meliputi 3 bulan tuntutan PSU 5.0 sebanyak RM600 sebulan untuk setiap pekerja bagi majikan di bawah sektor pelancongan. Selain itu, majikan dan pekerjanya yang telah berdaftar atau mencarum dengan PERKESO sebelum 1 Januari 2022 layak diliputi dalam program ini.

- 3.3 Majikan hendaklah telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM - Companies Commission of Malaysia) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum 1 Januari 2022.
- 3.4 Bagi majikan yang mempunyai lebih dari satu cawangan yang berdaftar di bawah satu SSM/ROB/ROC/ROS/PBT atau lain-lain pertubuhan akan dianggap sebagai satu entiti di bawah SATU permohonan yang sama.
- 3.5 Majikan juga hendaklah berdaftar dengan LHDN semasa mengemukakan permohonan PSU 5.0. Sekiranya majikan tidak mempunyai nombor cukai pendapatan LHDN majikan hendaklah merujuk pihak LHDN sebelum mengemukakan permohonan PSU 5.0 untuk mendapatkan nombor cukai pendapatan.
- 3.6 Majikan yang memilih untuk menerima bantuan ini, mereka disyaratkan untuk mengekalkan semua pekerja yang tersenarai dalam permohonan, sepanjang program dijalankan. Majikan yang mengurangkan waktu bekerja ataupun pengurangan gaji selepas berunding dengan pekerja tertakluk kepada peraturan atau peruntukan undang-undang yang sedia ada dan masih layak untuk terus menyertai program ini.
- 3.7 Manakala, program ini tidak meliputi pekerja yang telah diberhentikan kerja, pekerja sektor awam dan badan berkanun dan mereka yang bekerja sendiri (tidak mempunyai majikan) termasuk freelances, pekerja asing, pegawai dagang dan pekerja yang sedang digajikan di bawah program Penjana Kerjaya (Hiring Incentives).

Syarat Kelayakan Bayaran dan Tempoh Layak

- 3.8 Majikan dari sektor pelancongan hendaklah mengemukakan permohonan baharu dan membuat pengisytiharan pendapatan semasa permohonan pertama dan memaklumkan sebarang perubahan bilangan pekerja, status perniagaan, atau apa-apa yang berkaitan sekiranya ada, selewat-lewatnya pada 15 hari bulan pada bulan berkenaan. Kegagalan majikan mengisyiharkan apa-apa perubahan akan dikenakan tindakan undang-undang dan PERKESO berhak untuk menuntut balik bayaran yang telah diterima oleh majikan atau membuat penyelarasan dengan bantuan ini.
- 3.9 Tuntutan PSU 5.0 ini adalah sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja adalah terhad kepada 500 orang pekerja sahaja bagi setiap majikan. Dalam keadaan di mana majikan mempunyai lebih daripada satu cawangan di bawah pendaftaran SSM / ROS / ROB / pihak berkuasa perkhidmatan professional, saintifik atau teknikal / lesen perniagaan yang sama, maka akan dianggap sebagai satu entiti di bawah SATU permohonan yang sama. Oleh yang demikian, jumlah bilangan pekerja yang layak adalah berdasarkan saiz pekerja majikan keseluruhan cawangan permohonan tersebut.
- 3.10 Majikan perlu membuat pengisytiharan PSU 5.0 ini bahawa akan membayar gaji pekerja yang telah dipersetujui bersama semasa permohonan pertama PSU 5.0 kepada PERKESO.
- 3.11 Majikan perlu memasukkan maklumat Subsidi Upah dalam slip gaji pekerja atau memberi notifikasi secara bertulis kepada pekerja berkenaan subsidi upah yang diterima untuk membayar gaji pekerja.

- 3.12 Majikan hendaklah membayar caruman PERKESO dan SIP seperti biasa semasa dan selepas menerima PSU 5.0 sebagaimana gaji yang telah dipersetujui bersama pekerja setiap bulan.
- 3.13 Tertakluk kepada perenggan 3.12, majikan yang sebelumnya melaksanakan langkah pengurangan tenaga kerja atau cuti tanpa gaji atau pemotongan gaji boleh memohon untuk PSU 5.0 tertakluk pada syarat-syarat lain di bawah PSU yang perlu dipenuhi.
- 3.14 Sekiranya majikan menarik diri dari permohonan PSU 5.0 ini selepas permohonan diluluskan oleh PERKESO, majikan tersebut tidak layak untuk membuat permohonan semula atau mengaktifkan semua permohonan.
- 3.15 Bagi majikan yang telah membuat pembatalan atau telah didapati melanggar terma dan syarat yang telah ditetapkan bagi program di bawah PSU sebelum ini, majikan tersebut boleh membuat tuntutan permohonan PSU 5.0 sahaja. Dengan keadaan ini, majikan tersebut tidak boleh menuntut bayaran bagi bulan yang telah dibatalkan.

Tatacara Permohonan

- 3.16 Majikan dari sektor pelancongan hendaklah mengemukakan permohonan PSU 5.0 secara online di Portal Program Subsidi Upah melalui pautan prihatin.perkeso.gov.my
- 3.17 Majikan hendaklah memuat turun Akuan Pengisytiharan PSU 5.0 untuk dilengkapkan sebelum dimuat naik ke dalam portal prihatin.perkeso.gov.my beserta dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:-

- i. Lampiran 1 senarai maklumat pekerja (terhad 500 orang sahaja) – hendaklah menggunakan format Microsoft Excel yang disediakan (format pdf adalah tidak diterima)
- ii. Maklumat Akaun Bank Majikan (Salinan muka depan penyata bank sahaja)
- iii. Salinan pengenalan pendaftaran bank panel majikan/MyCOID
- iv. Salinan pendaftaran SSM / ROS / ROB / PBT
- v. Akuan Pengisyiharan PSU 5.0

3.18 Majikan hendaklah mengemukakan No. LHDN dan membuat pengisyiharan pendapatan semasa permohonan pertama dan membuktikan penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah jualan atau pendapatan bulanan bagi bulan Oktober / November / Disember pada tahun 2021 berbanding dengan mana-mana bulan pada tahun 2019, 2020 atau 2021 sebelum penularan wabak COVID-19.

3.19 Bagi tujuan perbandingan pendapatan atau jualan bulanan, bulan mula operasi mestilah mencukupi satu bulan (30 hari).

3.20 Bagi bulan berikutnya, majikan hendaklah memaklumkan sebarang perubahan bilangan pekerja, status perniagaan atau apa-apa yang berkaitan sekiranya ada, selewat-lewatnya pada 15 hari bulan pada bulan berkenaan.

3.21 Kegagalan majikan mengisyiharkan perubahan seperti di perenggan 3.20 atau pelanggaran majikan ke atas apa-apa syarat bagi Program PSU termasuk mengemukakan maklumat atau dokumen yang tidak benar, tidak betul atau palsu boleh dikenakan tindakan undang-undang atau PERKESO berhak untuk

menuntut balik bayaran yang telah diterima oleh majikan atau membuat penyelarasan dengan bantuan PSU 5.0 ini.

4. PEMAKAIAN

Permohonan PSU 5.0 di bawah Bajet 2022 boleh dilakukan secara online di Portal prihatin.perkeso.gov.my mulai 1 Januari 2022 sehingga 31 Mac 2022.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi hotline PSU ditalian 03 - 8091 5400 atau melalui Portal eaduansip.perkeso.gov.my

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2021** dan tertakluk kepada pindaan atau sebarang perubahan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pembudayaan Norma Baharu Dalam Dunia Pekerjaan Sejagat"

Saya yang menjalankan amanah,


(JOHN RIBA MARIN)

Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)
b.p Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: **31**.Disember 2021